

Wan Mokhtar, Abdullah Badawi dan Anwar Naib Presiden

Dr M, Ghafar menang

Anwar juga berjaya

Datuk Wan Mokhtar mendapat 935 undi, Datuk Abdullah 879 dan Encik Anwar yang melepaskan jawatan Ketua Pergerakan Umno semalam, mendapat 850.

Mereka mengalahkan tiga calon lain, Menteri Luar Datuk Rais Yatim (690 undi), Menteri Besar Perak Datuk Seri Ramli Ngah Talib (667) dan bekas Menteri Besar Selangor Datuk Haji Harun Idris (398).

Keputusan diumumkan jam 10.42 malam ini oleh Tañ Sri Sulaiman Ninam Shah, yang berjaya mengekalkan jawatannya sebagai Pengerusi Tetap dengan mendapat 850 undi.

Timbalan Pengerusi Tetap dimenangi oleh Datuk Shuib Haji Ahmad yang mendapat 533 Undi.

Keputusan untuk 25 kerusi Majlis Tertinggi Umno yang ditandingi oleh 69 calon akan diumumkan esok.

Pengundian bermula pada jam 10.48 pagi selepas Datuk Seri Dr Mahathir menyampaikan ucapan dasar Presiden dan ditangguhkan untuk sembahyang Jumaat jam 12.20 tengah hari. Ia disambung semula jam 3 petang sehingga 4.20 petang. Pengiraan undi yang dijalankan di Dewan Tun Hussein Onn bermula jam 4.30 petang.

Oleh HANIFF HADI, MIOR KAMARUL SHAHID, NAZAR ABDUL, HAMBALI LATIFF, ZAINI ZAINUDDIN, SAODAH ELIAS, BADRULHISHAM OTHMAN, MUSTAPA OMAR, AZIZ DESA dan ZABIDI HITAM.

● LAGI BERITA DAN GAMBAR-GAMBAR DI MUKA 2, 3, 9, 16, 14, 15 DAN 16.

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat mandat baru untuk menerajui Umno bagi penggal ketiga.

Presiden Umno mendapat 761 undi menewaskan pencabarnya, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah dengan kelebihan 43 undi. Tengku Razaleigh mendapat 718 undi. Seramai 1,479 perwakilan dari 133 bahagian Umno mengundi.

Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba pula berjaya mengalahkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, bagi merebut jawatan Timbalan Presiden, dengan kelebihan 40 undi.

Encik Ghafar mendapat 739 undi manakala Datuk Musa yang memegang jawatan itu selama dua penggal mendapat 699 undi. Sejumlah 41 undi rosak.

Bagi tiga jawatan Naib Presiden, perwakilan memilih Menteri Besar Terengganu, Datuk Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Pertahanan Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pelajaran Encik Anwar Ibrahim.